



MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Semua Warganegara Malaysia (Keutamaan Kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

A. SKIM PERKHIDMATAN

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
1	PEGAWAI TADBIR (PEGAWAI PENGUATKUASA)	N41	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	TETAP	GAJI MINIMUM : RM 2,080.00 GAJI MAKSIMUM :RM 9,546.00

NOTA :

JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM, IMBUHAN TETAP PERUMAHAN DAN ELAUN-ELAUN LAIN.

1. SYARAT LANTIKAN

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia; dan
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,080.00); atau
 - d) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis dan Leftenan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,081.00); atau

B. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.

C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang MPT/1 yang boleh didapati secara percuma di:-
 - i) **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh,
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh Pahang**
 - ii) **Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran
Temerloh www.mpt.gov.my**
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** :-
 - i. **Sijil Kelahiran**
 - ii. **Kad Pengenalan (depan / belakang)**
 - iii. **Sijil Berhenti Sekolah**
 - iv. **Sijil / Diploma / Ijazah yang berkaitan**
 - v. **Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas – tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon.**
3. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguin Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21.
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Temerloh
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh Pahang**

Tarikh tutup permohonan : 31 OKTOBER 2019

D. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :
 - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
 - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
 - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.